

Bil. 28

Rabu

31 Oktober 2018



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Isu Kesyakan Trafik Antara Plaza Tol Juru Sehingga
Tol Sungai Dua yang Berpanjangan**
- YB. Puan Nurul Izzah Binti Anwar (*Permatang Pauh*) [Halaman 1]

- **Perkembangan Projek Lebuhraya Pan Borneo dan
Pampasan untuk Rakyat**
- YB. Puan Alice Lau Kiong Yieng (*Lanang*) [Halaman 4]

MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA
Rabu, 31 Oktober 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)
mempengerusikan Mesyuarat]*

UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)

**Isu Kesesakan Trafik Antara Plaza Tol Juru
Sehingga Tol Sungai Dua yang Berpanjangan**

2.34 ptg.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kesesakan lalu lintas antara Plaza Tol Juru sehingga Plaza Tol Sungai Dua menjadi masalah utama bagi pengguna jalan raya. Laluan ini menjadi laluan utama penduduk setempat, pengguna Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) serta pengguna laluan ke Jambatan Pulau Pinang. Kesesakan bertambah teruk apabila tiba musim perayaan serta waktu puncak, iaitu ketika orang awam pulang dari tempat kerja.

Dalam sidang Parlimen Oktober 2014, Kerajaan Persekutuan melalui Menteri Kerja Raya telah mengumumkan satu kajian sedang dijalankan berhubung pembinaan sebuah laluan lintas untuk mengurangkan kesesakan jalan raya di Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua. Menurut cadangan yang dibentangkan, pengguna PLUS yang ingin ke utara tidak perlu melalui kedua-dua plaza tol berkenaan. Justeru itu, pihak Kerajaan Persekutuan perlu menjelaskan status kajian pembinaan laluan lintas ini dan adakah pihak kerajaan mempunyai perancangan bagi meneruskan pembinaan tersebut.

Saya turut memohon agar pihak Kementerian Kerja Raya dapat memberi informasi dan laporan *traffic impact assessment* (TIA) terkini mengenai kesesakan lalu lintas di kawasan Plaza Tol Juru dan Sungai Dua. Kajian ini dapat memberi pengetahuan dan gambaran

semasa kesesakan lalu lintas kepada pengguna jalan raya, serta digunakan oleh pihak kerajaan untuk menyelesaikan isu kesesakan lalu lintas di kawasan yang terjejas.

Juga pada tahun 2011, Kerajaan Persekutuan menyusun semula kadar bayaran di Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua. Pengguna jalan raya mahukan penjelasan daripada Kerajaan Persekutuan sama ada terdapatnya perancangan untuk menutup Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dalam jangka masa panjang.

Saya menggesa pihak kerajaan untuk menjalankan sebuah kajian dan rundingan untuk mengenal pasti sekiranya penutupan Plaza Tol Juru dan Sungai Dua ini akan memberi kesan positif kepada pengguna jalan raya, sekali gus mengurangkan kesesakan lalu lintas. Komitmen kerajaan dalam menguruskan kesesakan di kedua-dua plaza tol terbabit mampu memberi harapan kepada pengguna jalan raya yang menghadapi masalah berpanjangan ini. Justeru, saya pohon agar kerajaan boleh menyatakan perancangan dan pelan tindakan menyeluruh untuk menangani isu kesesakan tersebut. Sekian, terima kasih.

2.36 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya mengambil maklum mengenai isu kesesakan lalu lintas di antara Plaza Tol Sungai Dua hingga Plaza Tol Juru, Pulau Pinang. Saya sendiri pun selalu juga lalu di plaza itu. Laluan tersebut merupakan jajaran terbuka (*open access*) Lebuhraya PLUS dengan anggaran trafik harian ialah di antara 30,000 hingga 40,000.

Jajaran ini juga melibatkan kawasan berkepadatan tinggi dan melibatkan kawasan sekitar seperti Kampung Juru, Bukit Tengah, Seberang Perai, Seberang Jaya, Permatang Pauh dan sebagainya. Kawasan perusahaan utama iaitu Kawasan Perusahaan Juru (*Juru Auto City*) dan Kawasan Perusahaan Perai (*Perai Industrial Park*) juga terletak dalam jajaran ini seterusnya menyumbang kepada jumlah kenderaan berat di laluan ini.

Secara amnya, trafik tempatan (*local traffic*) di jajaran ini mempunyai jumlah yang tinggi dan ditambah pula oleh bilangan yang tinggi untuk kenderaan berat yang turut menggunakan laluan ini. Selain itu Tuan Yang di-Pertua, Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua juga merupakan plaza tol terakhir (*end barrier toll plaza*) untuk sistem tertutup jajaran Hutan Kampung ke Sungai Dua (Utara) dan juga jajaran Juru ke Skudai (Selatan).

Oleh itu, pengguna trafik terus atau (*through traffic*) yang ingin meneruskan perjalanan dari utara ke selatan harus melalui jajaran tersebut dan ini akan menambah bilangan aliran

trafik sedia ada. Kesesakan trafik ini akan meningkat berkali ganda khususnya pada musim cuti persekolahan, musim perayaan dan hujung minggu. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Lembaga Lebuhraya (LLM) telah pun membuat beberapa inisiatif dengan pihak PLUS bagi mengurangkan kesesakan di laluan berkenaan. Ini termasuklah:

- (i) menyediakan maklumat awalan kepada pengguna menerusi *Variable Message System* (VMS) dan media sosial;
- (ii) menambah baik konfigurasi lorong di Seberang Jaya;
- (iii) bekerjasama dengan pihak PDRM, JPJ bagi tindakan penguatkuasaan lalu lintas dan;
- (iv) menggalakkan pengguna dari arah Kuala Lumpur untuk menggunakan Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah atau Jambatan Kedua sebagai laluan ke Pulau Pinang.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, mengenai hasil kajian juru perunding trafik yang dilantik untuk mengkaji laluan alternatif antara Juru-Sungai Dua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian berkenaan telah dikemukakan kepada pihak Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) untuk pertimbangan agensi pusat berkenaan. Kementerian Kerja Raya (KKR) juga telah menerima pelbagai cadangan atau *proposal* dari pihak swasta yang berminat untuk melaksanakan projek lebuhraya baru antara Juru - Sungai Dua melalui konsep Kerjasama Awam Swasta. Kesemua cadangan berkenaan telah dikemukakan kepada pihak UKAS untuk pertimbangan.

Yang Berhormat Permatang Pauh, kita sedar hal ini dan kita memandang berat hal ini dan kita harus mengambil langkah-langkah yang positif untuk memastikan bahawa kesejahteraan rakyat, lalu lintas yang melibatkan— yang jadi persoalan kita pada hari ini. PLUS pun punya cadangan dan banyak syarikat-syarikat swasta yang lain juga punya cadangan tetapi Tuan Yang di-Pertua, KKR hanyalah badan pelaksana. Ini isu dasar, isu polisi, sudah tentulah kami terpaksa menunggu kelulusan Kabinet, kelulusan MOF, AG *Chambers*. Jadi banyak pihak. Kalau kita boleh lakukan dengan segera, ini prosedur yang ada.

Kita harap Ahli Parlimen Permatang Pauh yang terkenal akan memainkan peranannya dengan sebaik-baiknya dan kami di Kementerian Kerja Raya akan cuba sedaya upaya menyokong. kalau nanti dapat kelulusan, sudah tentulah apa yang kita kemukakan pada hari ini akan dapat dilaksanakan. Jajaran baru mungkin boleh diwujudkan. Saya pun sekali-skala hendak balik kampung, punya kemudahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Perkembangan Projek Lebu Raya Pan Borneo Dan Pampasan Untuk Rakyat

2.44 ptg.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Projek pembinaan Lebu raya Pan Borneo merupakan salah satu projek infrastruktur terbesar negara dengan bajet yang besar. Menurut jawapan yang saya terima pada tahun 2013, anggaran kos keseluruhan untuk projek Lebu raya Pan Borneo adalah sebanyak RM22 bilion dan dijangka akan siap pada tahun 2025.

Pada tahun 2014, kos anggaran telah ditambah menjadi RM27 bilion. Akan tetapi, jawapan yang saya terima pada 7 Mac 2018 menyatakan bahawa peruntukan untuk fasa 1 Projek Lebu Raya Pan Borneo Sabah adalah sebanyak RM12.864 bilion manakala bagi fasa 1 Projek Lebu Raya Pan Borneo Sarawak adalah sebanyak RM16.488 bilion dan kerja-kerja pembinaan bagi fasa 1 dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2021. Jumlah peruntukan untuk fasa 1 sahaja telah melebihi kos anggaran RM27 bilion.

Oleh itu, saya minta kementerian untuk menjelaskan berapakah fasa untuk keseluruhan projek Lebu Raya Pan Borneo dan peruntukan yang diluluskan untuk keseluruhan projek ini serta anggaran kos keseluruhan yang terkini memandangkan ada perbezaan dalam angka tersebut.

Tambahan pula, berikutan masalah ekonomi negara, Projek Lebu Raya Pan Borneo telah dikaji semula bagi tujuan untuk menjimatkan wang negara. Oleh yang demikian, status Projek Lebu Raya Pan Borneo telah menjadi persoalan kepada ramai pihak termasuk penduduk-penduduk di sekitar Lanang kerana perkembangan projek tersebut di kawasan ini sangat perlahan. Sebagai contoh, bulatan Jalan Sibu-Bintulu yang berhampiran dengan Lapangan Terbang Sibu telah ditutup lebih daripada satu tahun atas sebab pembinaan Lebu raya Pan Borneo. Bilakah kerja pembinaan di situ akan siap dan bulatan boleh digunakan semula. Ini kerana penduduk di Sibu terpaksa menggunakan laluan yang amat jauh berikutan penutupan bulatan tersebut.

Selain itu, banyak antara jajaran telah merentasi tanah milik rakyat. Berikutan hal tersebut, Kerajaan Pusat telah memberi bayaran pampasan yang setara dengan nilai pasaran semasa. Walau bagaimanapun, masih ada sesetengah rumah yang terlalu berdekatan dengan kerja-kerja pembinaan projek tersebut yang tidak menerima sebarang pampasan. Sebagai contoh, Rumah Panjang Edwin Yap ak Laso telah membuat aduan bahawa lebu raya yang dibina sangat berhampiran dengan rumah mereka. Hal ini telah mengundang kebimbangan kepada penduduk rumah tersebut kerana

sebarang kemalangan yang tidak diingini mungkin akan berlaku disebabkan jarak rumah yang amat dekat dengan lebuh raya tersebut.

Oleh itu, ketua kaum di rumah tersebut telah memohon agar rumah atau tanah mereka juga diambil dan dibayar pampasan. Apakah tindakan kementerian berkenaan permohonan yang telah dibuat oleh ketua kaum tersebut. Adakah kerajaan pusat akan memberikan pampasan kepada rakyat yang mengalami situasi yang sama seperti yang telah dinyatakan. Sekian, terima kasih.

2.47 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dilaksanakan secara 2 fasa melibatkan jajaran keseluruhan sepanjang 1,064 km dari Telok Melano hingga ke Lawas. Fasa 1 projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dari Telok Melano hingga ke Miri sepanjang 786 kilometer dengan anggaran kos RM16.488 bilion terdiri daripada 11 pakej kerja kini sedang berjalan akan terus dilaksanakan.

Bagi fasa 2 pula, Kerajaan Pusat sedang meneliti jajaran terbaik yang tidak melalui Negara Brunei Darussalam. Manakala bagi pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah pula dibahagikan kepada 3 fasa di mana fasa 1 melibatkan keseluruhan anggaran jarak 706 km dipecahkan kepada 35 pakej kerja dengan anggaran awal kos pembinaan sebanyak RM12.86 bilion. Sehingga kini, sebanyak 12 pakej kerja telah dibuat pelantikan kontraktor dengan anggaran kos RM6.05 bilion dan di pelbagai peringkat pembinaan akan terus dilaksanakan.

Manakala fasa 2 dan 3 projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah masih di peringkat perancangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Pusat melalui 2 sumber utama iaitu:

- (i) Peruntukan Pembangunan (*Development Expenditure-DE*) di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dengan nilai sebanyak RM5 bilion bagi setiap negeri; dan
- (ii) pembiayaan daripada terbitan sukuk oleh DanaInfra Nasional Berhad.

■1450

Pada masa kini mekanisme dan pelaksanaan keseluruhan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak sedang diteliti semula untuk dimuktamadkan oleh Kerajaan Pusat dalam masa terdekat.

Mengenai status pembinaan persimpangan bertingkat di kawasan Bulatan Lapangan Terbang Sibu merupakan sebahagian daripada skop pembinaan bagi pakej Persimpangan Bintangor ke Sungai Kua yang dilaksanakan oleh Syarikat Hock Seng Lee–Dhaya Maju *Infrastructure* Asia JV selaku kontraktor pakej kerja, *work package contractor* (WPC) yang dilantik. Kerja-kerja pembinaan persimpangan tersebut dijangka siap dan dibuka untuk kegunaan orang ramai pada bulan Disember 2019 di mana keseluruhan pakej Persimpangan Bintangor ke Sungai Kua dijangka akan siap pada bulan Jun 2020.

Di sini adalah kawasan kerja. Oleh sebab itu, jalan sementara ke *airport* telah dibuat dan jalan ini sebenarnya di bawah wewenang kerajaan negeri. Oleh sebab itu, Yang Berhormat, apa yang boleh kita lakukan kita harap Yang Berhormat dan para rakyat di situ bersabar dahulu sehingga hari ini dapat disiapkan. Saya rasa kita sudah bersabar lama, kita bersabar sedikit lagi sampai tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan proses pengambilan tanah dan penilaian pampasan tanah bagi projek Lebuhraya Pan Borneo, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Lanang, dibuat oleh Kerajaan Negeri Sarawak menerusi Jabatan Tanah dan Survei Sarawak. Mekanisme dan prinsip pembayaran pampasan bagi tanah-tanah yang terlibat dibuat berasaskan kepada undang-undang Kanun Tanah Sarawak. Berdasarkan semakan kementerian ini ke Jabatan Tanah dan Survei Sarawak, keseluruhan tanah berhak milik serta tanah yang tertakluk kepada tuntutan hak adat bumiputera yang sah di pakej tersebut sudah diambil balik dan dibayar pampasan.

Mengenai rayuan Rumah Panjang Edwin Yap ak Laso supaya ia diambil alih dengan justifikasi ia berdekatan dengan kawasan pembinaan, perkara ini juga sedang diteliti oleh Jabatan Tanah dan Survei Sarawak dengan pihak terlibat dan akan dimuktamadkan berdasarkan prosedur dan proses yang ditetapkan. Saya sangat teruja dengan Yang Berhormat bawa isu ini. Saya rasa ini bukan yang pertama kali Yang Berhormat telah kemukakan hal ini sebelum ini dalam Dewan dan Yang Berhormat tidak akan berhenti untuk mengemukakannya lagi. So, kita doakan kekuatan kepada Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan daripada saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Khamis, 1 November 2018.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.55 petang]